

22 DEC 2003

Galeria-Bahan

ORANG RAMAI DIMINTA SUMBANG BAHAN MENGENAI DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 22 Dis (Bernama) -- Ketua Pengarah Arkib Negara Rahani Jamil hari ini meminta orang ramai yang memiliki bahan berkaitan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad supaya menyerahkannya kepada Arkib Negara untuk dipamerkan di Galeria Sri Perdana.

Beliau berkata melalui cara itu, orang ramai bukan saja boleh berkongsi bahan berkenaan dengan orang lain, malah membantu Arkib Negara menawarkan variasi pada pameran yang diadakan di galeria berkenaan.

"...ada gambar yang diambil oleh orang ramai sendiri tapi cantik dan mempunyai banyak makna...ada juga gambar yang kita dapat tetapi belum pernah lagi dilihat oleh Dr Mahathir," katanya ketika ditemui pemberita pada Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri Arkib Negara di sini.

Beliau berkata bahan-bahan itu tidak semestinya gambar, tetapi juga dalam bentuk keratan akhbar ataupun lakaran kartun dan sebagainya.

"Harapan kita ialah bagaimana kita nak mengisi galeria itu...maksudnya kita tak adalah nak letak bahan itu di situ selama-lamanya...kita perlu tukar..sebab kita perlu tukar...kerana manusia ni dah tahu dah bila dia tidur boleh nampak apa yang ada dalam tu," katanya.

Rahani berkata bagi setiap bahan yang disumbangkan, pemiliknya akan menerima sedikit saguhati.

Beliau juga memberi jaminan bahawa bahan yang diterima dan dipamerkan, akan dijaga dengan baik.

Galeria Sri Perdana ialah kediaman rasmi bekas Perdana Menteri keempat itu sebelum diubah suai sebagai galeri untuk mempamerkan bahan-bahan mengenai Dr Mahathir bagi memperingati jasa dan sumbangan Dr Mahathir yang kini digelar sebagai Baba Pemodenan Malaysia.

Galeria itu dibuka secara rasmi oleh Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Sabtu lepas.

Ia dibuka setiap hari kecuali Isnin dari pukul 10 pagi hingga 5 petang.

-- BERNAMA

FAI NM LAT